

11/07/2002

Keputusan bukan pengukur kebolehan: Pak Lah

PENDANG, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menolak tanggapan kononnya keputusan pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit akan menjadi pengukur kemampuannya memimpin apabila menerajui Umno dan kerajaan mulai Oktober tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, selama ini pun beliau mengetuai jentera Barisan Nasional (BN) dan Umno menghadapi beberapa pilihan raya kecil dan tugas itu diteruskan kali ini.

"Saya ingat ini tidak ada kena mengena dengan kepemimpinan saya. Setiap kali pilihan raya, saya diberi peranan besar. Di sini pun peranan yang sama, tidak lebih daripada peranan dulu.

"Tetapi yang pentingnya supaya kemenangan kita di sini akan menghantar mesej bahawa rakyat di kawasan yang diwakili Pas ini sudah pun memihak kepada BN dan mahu mengundi calon BN.

"Ini adalah fakta yang amat penting kepada kita," katanya pada sidang akhbar selepas penamaan calon Parlimen Pendang di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, di sini hari ini.

Abdullah adalah Pengerusi Jawatankuasa Pilihan raya kecil bagi dua kerusi itu diadakan ketika peralihan kuasa dalam Umno dan kerajaan berikutan keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerah kepemimpinan kepada Abdullah selepas Oktober 2003.

Berikutan itu, ada pihak melihat pilihan raya kecil itu sebagai medan ujian pertama bagi Abdullah.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya Umno ketandusan calon generasi muda sehingga meletakkan dua ahli veteran untuk Pendang dan Anak Bukit, Abdullah berkata ia tidak benar.

"Ini bukan ketandusan, tapi kita telah fikir lama juga dan pada waktu ini kita menganggap inilah calon terbaik berdasarkan kepada pengalaman," katanya.

Beliau berkata, calon BN di Pendang, Datuk Othman Abdul dianggap sesetengah pihak sebagai tidak sesuai hanya semata-mata tewas pada pilihan raya umum 1999.

Bagaimanapun, katanya, ketika itu memang wujud masalah dalam Umno berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, kegawatan ekonomi dan keselamatan negara.

"Pada 1999 adalah tahun yang cukup menekan kita daripada segala aspek berkaitan Umno, ekonomi dan keselamatan. Tetapi kali ini berlainan, boleh jadi sama dengan keadaan (pilihan raya umum) pada 1995 yang mana waktu itu Othman bertanding dan menang," katanya.

Mengenai kenyataan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa parti itu tetap menggunakan isu seperti pada 1999, termasuk isu Anwar, beliau berkata ia terpulang kepada Pas.

Beliau berkata, pihaknya tidak boleh menghalang Pas membangkitkan apa saja isu tetapi Umno juga memberi penerangan kepada rakyat untuk menjelaskan sebarang isu yang timbul.

Abdullah terharu dengan semangat penyokong yang mengiringi calon BN kerana sanggup mengharungi hujan sepanjang pagi.

"Ini menunjukkan jentera BN mahu bekerja bersungguh-sungguh untuk kemenangan BN. Harapan kita untuk menang di sini adalah baik dan yang menentukannya ialah semua pihak harus bekerja kuat.

"Kita mempunyai jentera yang mempunyai ramai anggota semua komponen BN dan kita yakin perjuangan BN dapat diterima rakyat," katanya.

Beliau turut memuji penyokong BN yang berdisiplin dan tidak menggunakan sebarang kekerasan serta tidak melanggar undang-undang.